

# Gerakan Pulau Pinang terus goyah

UM - 4 DEC 1999

PULAU PINANG 3 Dis. — Parti Gerakan Pulau Pinang terus goyah apabila Naib Pengerusi Pemuda Gerakan Negeri, Tan Tee Beng mengumumkan akan turut keluar dari parti itu bersama kira-kira 100 pengikutnya minggu depan.

Beliau yang bertanding di kerusi Batu Lencang dan tewas pada pilihan raya lalu akan menyerahkan surat peletakan jawatannya termasuk sebagai Naib Pengerusi Pemuda Gerakan Negeri serta Pengerusi Pemuda Gerakan Cawangan dan Bahagian Jelutong.

“Surat peletakan tersebut bersama senarai nama yang akan keluar parti bersama saya akan diserahkan kepada parti Gerakan Negeri dan Pusat sama ada pada hari Isnin atau Selasa,” katanya di sini hari ini.

Sementara itu, katanya pada petang ini beliau akan menyerahkan surat peletakan jawatan sebagai Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MP-PP).

“Malam ini pula kita akan mengadakan mesyuarat serta akan menyediakan senarai nama pengikut saya dari Jelutong dan Tasek Gelugor yang ingin keluar parti bersama saya,” jelas beliau.

Tan menegaskan, tindakan meletak jawatan itu tidak kena mengena dengan kekala-

hamnya kepada calon DAP, Law Heng Kiang dalam pilihan raya umum ke-10 baru-baru ini.

Sebaliknya, tegas beliau, hasratnya untuk keluar dari parti telah timbul sebelum pilihan raya tetapi tidak berbuat demikian kerana tidak mahu menimbulkan huru-hara.

Bagaimanapun, beliau mengaku kecewa dengan kerenah beberapa pucuk pimpinan parti termasuk Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Setiausaha Agung Gerakan, Chia Kwang Chye dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Dr. Teng Hock Nan yang didakwa tidak membantu beliau semasa kempen pilihan raya lalu.

“Kita rasa seperti tidak mendapat sokongan. Kita tidak puas hati dan tidak mempunyai cara untuk meluahkan perasaan setelah dilabel sebagai penyokong Dr. Goh Cheng Teik.

“Ini adalah cara kita untuk menunjukkan bahawa kita tidak berpuas hati dengan pucuk pimpinan Gerakan yang mempunyai sikap pilih kasih,” jelas beliau.

Tan turut berada dalam satu perhimpunan ahli-ahli Gerakan yang menyokong tindakan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Lim Boo Chang (Datuk Kera-

mat) dan Lim Chien Aun (Bapa Lepas) keluar dari parti Gerakan di sini, malam tadi.

Beliau yang mempunyai kelulusan undang-undang dan bekerja sebagai remisier memberitahu akan tetap membantu rakyat secara sukarela melalui pusat khidmat masyarakatnya di Batu Lencang.

## Beroperasi

“Pusat tersebut akan terus beroperasi tanpa papan tanda parti Gerakan dan kita akan terus memberi khidmat nasihat perundangan, kaunseling dan sebagainya,” tambahanya.

Tan bagaimanapun menegaskan walaupun mereka bertindak keluar dari Parti Gerakan mereka tetap menyokong serta menghormati Barisan Nasional.

“Kami tidak akan sekali-kali menyertai parti pembangkang termasuk DAP,” ujarnya.

Ketika ditanya apakah ahli-ahli Gerakan yang bertindak keluar dari Gerakan ini akan menyertai MCA, katanya, “kita belum membuat keputusan lagi dan memerlukan masa kira-kira dua minggu.”

Kira-kira 200 ahli Gerakan termasuk bapa Tee Beng iaitu Datuk Tan Gim Hwa yang merupakan bekas Yang Dipertua MPPP turut berada di situ selain Datuk

Lim Ee Heong (bapa Boo Chang) dan Datuk Oon Chin Seang. Ketiga-tiga mereka adalah antara pengasas Gerakan.

Selain itu, Gim Hwa yang juga bekas Pengerusi Badan Perhubungan Gerakan negeri menggesa Kerajaan Pusat supaya menukar pucuk pimpinan kerajaan negeri.

Ee Heong pula mendakwa, pucuk pimpinan Gerakan telah membaling batu “untuk membunuh lima ekor burung sekali gus” iaitu Dr. Goh Cheng Teik, Datuk Dr. Kang Chin Seng, Datuk Joseph Chong, Chien Aun dan anaknya Boo Chang.

Sementara itu, bekas Pengerusi Gerakan Tanjung Bungah dan juga pembantu Dr. Goh, Chan Hon Kwong pula berkata, mereka yang bertindak meninggalkan Gerakan bukan kerana tidak suka dengan pucuk pimpinan BN.

“Kita menyokong BN yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengamalkan polisi yang sederhana yang dapat diterima oleh setiap lapisan masyarakat negara ini.